

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN
PARLAMEN
23 DEC 1981
NO. 1

HARI RABU, 23HB DISEMBER, 1981, PUKUL 2.30 PETANG

Bil.24

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan terhadap penipuan jualan dari segi harga dan kualiti dalam perniagaan jualan murah di gedung-gedung perniagaan seluruh negara.
- *2. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) siapakah yang berkelayakan menjadi peguam di mahkamah civil dan siapakah pula yang layak menjadi peguam di mahkamah Syariah; dan
 - (b) sama ada beliau sedar bahawa didapati peguam-pegawai di mahkamah civil bebas pula bertugas di mahkamah Syariah dan tidakkah perkara ini bercanggah dengan Jadual 9 Perlembagaan Malaysia, Senarai 1, Fasal 4(a) dan (d) Perlembagaan.
- *3. Tuan K.Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan peristiwa perselisihan faham antara askar dan pihak polis seperti yang telah berlaku di Kangar baru-baru ini.
- *4. Dr.Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan jumlah syarikat atau agensi Kerajaan yang mengalami keuntungan perniagaan serta nama syarikat atau agensi itu.
- *5. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa Amerika Syarikat tidak mahu menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam baharu-baharu ini kesannya kepada negara-negara pengeluaran dan tindakan tegas Malaysia terhadap sikap Amerika Syarikat itu.
- *6. Tuan M.Muthupalaniappan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada negara kita kini mengalami kekurangan doktor-doktor yang berkelayakan, dan jika ya, mengapakah kita tidak mengambil beberapa orang doktor lulusan universiti-universiti yang diiktirafkan yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia, tetapi sedang menganggur, untuk bekerja di hospital-hospital di Malaysia.
- *7. Tuan S.I.Rajah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa menembak, membunuh atau mengambil binatang-binatang liar yang dilindungi oleh Akta Pelindungan Hidupan Liar 1972 selalu berlaku dan jika sedar nyatakan tindakan beliau telah dan akan ambil untuk memelihara binatang-binatang ini.

/sh

- *8. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyakit gatal-gatal kulit sering berlaku di kawasan luarbandar; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.
- *9. Puan Rahmah Othman minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) memandangkan bahawa Ketua Setiausaha Negara telah mewartakan melalui Gazette yang memberikan Pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun bergiat dalam kesatuan sekerja apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan/membolehkan pegawai-pegawai tersebut bergiat dalam kesatuan sekerja; dan
 - (b) di dalam memberi kemudahan kepada seseorang pegawai tersebut bergiat dalam kesatuan sekerja sama ada kelulusan dari ketua jabatannya dikehendaki.
- *10. Datuk G.Pasamanickam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakannya mereka dari kaum India yang pergi ke Jabatan Imigresen di Kuala Lumpur tidak tahu langsung bercakap dalam Bahasa Malaysia dan bolehkah beliau menimbangkan melantik seorang pegawai yang fasih dalam bahasa Tamil untuk membantu mereka dalam hal ini.
- *11. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar laporan seorang pakar dari Lembaga Kemajuan Industri Kanada (CIDA) baru-baru ini bahawa timbunan tembaga terdapat dengan banyaknya di Kelantan, Trengganu dan Pahang, terutama di Ulu Kelantan, jika benar:
- (a) bagaimana potensinya dan berapa banyaknya;
 - (b) adakah Kerajaan Negeri-negeri tersebut sedar terhadap perkembangan yang baik ini;
 - (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membuka perusahaan logam tersebut; dan
 - (d) sejauh ini apakah laporan positif tentang penemuan hasil logam itu.
- *12. Dato Haji Mohd.Nor Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan rancangan menggunakan pekerja-pekerja Indonesia untuk industri industri yang berkurangan buruh kasar dan nyatakan tindakan diambil atas mereka yang datang ke Malaysia dengan tidak mengikut rancangan ini dan menjadi masalah sosial negara.
- *13. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar banyak syarikat insuran enggan membaharui polisi insuran kereta-kereta terutamanya kereta-kereta teksi dan bas mini, jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya masalah ini tidak akan timbul lagi.
- *14. Tuan S.Subramaniam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk melaksanakan dengan segeranya Sekim Memiliki Rumah oleh pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong-lombong memandangkan bahawa di bawah Sekim tersebut, hanya tiga sekim perumahan telah disempurnakan semenjak tahun 1974.

- *15. Datuk Haji Mohd.Din bin Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah cukai Lapanganterbang (Airport Tax) yang diperolehi di negara ini pada tiap-tiap tahun.
- *16. Tuan V.V.Aboo minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) sama ada beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah badan atau unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri, khusus untuk mengkaji atau mencari sebab-sebab mengapa sesebuah projek yang diusahakan oleh Kerajaan gagal atau tidak berjaya;
 - (b) apakah tindakan atau langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan apabila sesebuah projek itu gagal atau tidak berjaya;
 - (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah badan khas untuk mengawasi perjalanan sesebuah projek supaya projek tersebut berjaya dan tidak menempuh kegagalan; dan
 - (d) jika tidak, bolehkah beliau nyatakan sebab-sebabnya.
- *17. Dr.Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan selain dari MAJUTERNAK salah sebuah agensi Kerajaan yang mengalami kerugian berjuta-juta ringgit tiap tahun, berapakah lagi agensi Kerajaan yang setakat ini masih mengalami kerugian dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menjualkan agensi-agensi yang mengalami kerugian ini kepada pihak swasta.
- *18. Tuan V.V.Aboo minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:-
- (a) jumlah sebenarnya yang telah dibelanjakan untuk projek lebuhraya Timur-Barat setakat ini;
 - (b) sama ada beliau berpuashati di atas prestasi kemajuan kerja projek tersebut ini dan bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya;
 - (c) adakah pihak J.K.R. bercadang untuk membina sendiri projek lebuhraya yang besar, tanpa memberikan tender kepada Syarikat Swasta seperti projek lebuhraya Timur-Barat; dan
 - (d) adakah dengan melaksanakan sendiri projek lebuhraya Timur-Barat ini, kos perbelanjaan dapat dikurangkan.
- *19. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membekalkan air kepada orang-orang asli yang tinggal di Negeri Selangor.
- *20. Dato' Yap Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orangramai yang berjalan kaki tidak suka menggunakan jejantas apabila hendak menyeberangi jalan raya, dan jika ya, sama ada beliau akan memasangkan atap bagi semua jejantas supaya pengguna-penggunanya akan mendapat perlindungan sama ada daripada cahaya matahari atau hujan lebat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

- | | | | |
|-----|------------|--|---------------------------|
| 1. | (DR.25/81) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1980 dan 1981) -

Menyambung semula Perbahasan atas Masalah
"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan
kali yang kedua sekarang." (22hb Disember,
1981), | |
| 2. | (DR.20/81) | Rang Undang-undang Kewangan (No.2) | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (DR.29/81) | Rang Undang-undang Galakan Pelaburan
(Pindaan) (No.2) | " |
| 4. | (DR.27/81) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia
dan Bank (Pindaan) | " |
| 5. | (DR.13/81) | Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan
(Perkiraan Kewangan) | " |
| 6. | (DR.17/81) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (Pindaan) | " |
| 7. | (DR.16/81) | Rang Undang-undang Membaharui Undang-
undang (Penghapusan Samsu Gelap)
(Pindaan) | " |
| 8. | (DR.18/81) | Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman
(Pindaan) | " |
| 9. | (DR.23/81) | Rang Undang-undang (Perancangan)
Wilayah Persekutuan | " |
| 10. | (DR.24/81) | Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan
(Pindaan) | " |
| 11. | (DR.19/81) | Rang Undang-undang Keistimewaan
Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) | " |
| 12. | (DR.21/81) | Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) | " |
| 13. | (DR.22/81) | Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil
(Pembahagian) (Pindaan) | " |

/sh